

06/06/2002

Program kem Aero beri manfaat kepada peserta

Tamrin Anuar

PEMBABITAN pelajar dalam kegiatan kokurikulum bukan saja mampu meningkatkan semangat juang tinggi di kalangan mereka tetapi mampu membina jati diri mulia, menggalakkan daya intelek khususnya dalam kepemimpinan serta meningkatkan disiplin diri.

Lebih penting, aktiviti yang dilakukan peserta sepanjang kegiatan menjadikan pelajar berani mencuba, berfikiran kritis dan kreatif serta mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah, sekali gus mengurangkan masalah sosial di kalangan remaja.

Sukan rekreasi udara seperti para gliding, hang gliding dan motor gliding yang baru diperkenalkan di negara ini adalah satu-satunya kegiatan kokurikulum alaf baru untuk tujuan rekreasi.

Sehubungan itu, usaha dan inisiatif Persatuan Luncur Udara Malaysia (PLUM), menganjurkan Kem Aero selama empat hari di Landasan Kecil Segamat, Johor baru-baru ini memberi impak yang sangat mendalam kepada semua peserta.

Antara kesan segera dialami peserta program ialah pengalaman mengendalikan sukan rekreasi udara para gliding dan menaiki pesawat ringan jenis Cessna dan Rans serta mengendalikan kapal terbang model.

Presiden PLUM, Encik Kassim Kasan, berkata minat mendalam yang ditunjukkan 30 peserta sepanjang program berkenaan memberi harapan kepada sukan yang kini hanya dimonopoli remaja di negara maju mula mendapat tempat di kalangan remaja di negara ini.

"Pengalaman terbang dengan pesawat menimbulkan semangat dan motivasi kepada peserta mengenai peluang kerjaya dalam industri berkaitan aeronautika.

"Perkhemahan yang julung kali dianjurkan bukan sekadar untuk mengisi masa lapang pelajar, tetapi sebagai pendedahan penting yang boleh menyuntik semangat dan cita-cita baru yang jarang diterokai golongan remaja di negara ini iaitu dalam bidang berkenaan," katanya.

Sempena perkhemahan itu juga, peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran dan tayangan audio visual sukan rekreasi udara, lawatan ke hangar, bengkel membuat wau, ceramah kerjaya berkaitan aeronautika dan muhasabah diri.

Menurut Encik Kasim, idea menganjur program ini adalah sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri supaya remaja di negara ini membabitkan diri dalam aktiviti yang pelbagai dan mencabar, khususnya berkaitan penerbangan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan, Encik Kamarudin Ismail, berkata perkhemahan seperti ini memang sesuai dan mencabar.

Katanya, pastinya aktiviti yang baru diperkenalkan ini akan menarik lebih ramai penyertaan daripada pelajar pada masa akan datang.

Perkhemahan Aero ini juga sesuai dengan bidang kerjaya yang ditawarkan beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Saya yakin, usaha PLUM memperkenalkan program baru seperti ini akan memberi pilihan yang lebih luas kepada pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah," katanya.

Peserta program, Hafizudin Rashid, dari Johor Bahru, Johor menyifatkan, penyertaannya dalam perkhemahan ini menyeronokkan dan banyak memberi input baru yang tidak diperolehi daripada kegiatan kokurikulum lain.

Katanya, sepanjang program ini peserta banyak diberi peluang melakukan

sendiri aktiviti lasak seperti mengendalikan paragliding dan terbang ke udara dengan kapal terbang.

"Jika dinilai dengan yuran penyertaan sebanyak RM300, pengalaman dan pengetahuan baru yang disampaikan penceramah sepanjang program tiga hari ternyata berkesan.

"Saya sarankan, semua pelajar menyertai perkhemahan Aero ini dan alami sendiri pengalaman terbang di udara dengan paragliding dan pesawat Cessna dan Rans," kata peserta dari Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor ini.

(END)